

# BKSS anjur Ekspedisi Berakit di Sungai Pahang

Oleh: TUAN ZAIRANI TUAN AB RAHMAN

Badan Kebajikan Sukan Staf (BKSS), Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menganjurkan Ekspedisi Berakit di Sungai Pahang pada 6 hingga 8 Februari yang lalu. Destinasi pertandingan bermula di Paloh Hinai dengan aktiviti pertama iaitu membina rakit untuk pasukan masing-masing.

Peserta juga bermalam untuk seketika dan rakit pertama telah dilepaskan pada 7 Februari untuk memulakan pertandingan serta mengharung cabaran berakit. Setelah hampir lapan jam berakit, peserta tiba di destinasi pertama di Kampung Sungai Pahang Tua kira-kira jam 6.00 petang. Peserta seterusnya dibawa menginap di Pulau Keladi, Pekan untuk berehat sebelum meneruskan cabaran untuk keesokan harinya.

Menurut Pengerusi BKSS, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, konsep pertandingan pada kali ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu hari pertama pertandingan peserta diberikan tugas atau lebih kepada *survival day*.

"Pemarkahan juga dikira berdasarkan kepada kreativiti pasukan membina rakit, cara bekerja berpasukan, mempraktikkan nilai-nilai murni dalam diri peserta dan menguji kesabaran peserta untuk meneroka air sugai Pahang yang pastinya mempunyai pelbagai cabaran," katanya.

Pada hari kedua, peserta dilepaskan untuk menamatkan ekspedisi bermula dari Pulau Keladi dan menamatkan perlumbaan di *River Front*, Pekan.

Tambah beliau lagi, konsep hari kedua adalah *speed day* yang mana peserta berlumba untuk sampai ke destinasi penamat bagi mengumpul markah untuk menjuarai keseluruhan pertandingan berakit tersebut.

Pertandingan Ekspedisi Berakit Sungai Pahang itu berakhir pada 8 Februari 2009 dengan menamatkan perlumbaan di Jati *River Front* Pekan pada jam 4.00 petang. Kemenangan ekspedisi berpihak kepada



Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta apabila pasukan mereka muncul juara keseluruhan pada hari itu.

Sepanjang pertandingan ini berlangsung, Pasukan Bomba dan Penyelamat Kuantan yang turut membantu mengawasi keselamatan peserta di sepanjang perjalanan.

Selain itu, kawalan keselamatan turut dilakukan oleh pasukan Polis Marin Pekan, Pasukan anggota polis di kawasan Paloh Hinai, Bomba dan Penyelamat Pekan dan Balai Polis Pekan.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para peserta dan cenderamata kepada semua sukarelawan yang terlibat menjayakan program ini.

Jelas Mustafa lagi, secara keseluruhannya, program itu berjaya mempromosikan UMP di kalangan masyarakat setempat dan dapat beramah mesra dengan masyarakat di sekitar kawasan yang terlibat.

lanya memberikan kesan yang sangat baik dalam menjalinkan hubungan silaturahim antara staf dan penduduk setempat